



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

16 Dis 2020 (Rabu)

Berita Harian

Pergolakan dunia politik negara panaskan 2020	1
LZS, Shopee kempen kutip zakat dalam talian	2

Utusan Malaysia

Negara kehilangan tokoh yang banyak berjasa	3
Pemandu teksi harap bantuan	4
Mohon selusur tangga uzur dicat	5
Buka pusat cuci kereta selepas hilang kerja	6

Kosmo

Dulu pekerja kini tauke cuci kereta	7
-------------------------------------	---

Sinar Harian

Perikatan Nasional lepas ujian getir	8
Mahkamah Rayuan Putrajaya gugur tuntutan BMMB terhadap MAIS, KUIS	9
Selangor sasar lahirkan 200,000 usahawan IKS berasaskan digital	10

Berita Harian Online

Sultan, Tengku Permaisuri Selangor ucap takziah	11
---	----

KOSMO Online

Sultan, Permaisuri Selangor zahir takziah pemergian Ungku Aziz	12
--	----

Malaysiakini (English)

Ujian keyakinan: Muhyiddin berjaya, mampukah Anwar?	13
Alunan marhaen dari PPR	14

Selangor TV

Kota Damansara Bandar Pemangkin Ekonomi Dan Penempatan Harmoni	15
MPAJ Kekal Tempat Pertama APPC Penggal Ke-3	16
Naik Taraf Smart Selangor Parking, Lapor Salah Guna Parkir OKU	17
Peningkatan Kes Kluster Tempat Kerja Sudah Dijangka, Elak Stigma Terhadap Pekerja Asing	18
RM15 Juta Bantu Usahawan Melalui Skim Zero To Hero	19
Sudah Jangka Kes Kluster Tempat Kerja Meningkat, EXCO Seru Jangan Ada Stigma Terhadap Warga Asing	20

Sinar Harian Online

Mahkamah gugur tuntutan BMMB terhadap MAIS, KUIS	21
Negara kehilangan ilmuan ulung	22
Selangor sasar lahir 200,000 usahawan IKS berasaskan digital	23

Utusan Malaysia Online

Penghantar surat buka pusat cuci kenderaan	24
Sultan Selangor, Tengku Permaisuri Selangor zahir rasa sedih	25

The Star

Nod for project in high- risk area questioned	26
Pollution concerns play on the mind in Kg Jenjarom	27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



The Malay Mail Online

Politicians pay tribute to Royal Prof Ungku Aziz, says death a great loss to the nation	28
Selangor Sultan, Tengku Permaisuri express condolences to Ungku Abdul Aziz's family	29
Selangor Sultan, Tengku Permaisuri express condolences to Ungku Abdul Aziz's family	30
Selangor Sultan, Tengku Permaisuri express condolences to Ungku Abdul Aziz's family	31

The Malaysian Reserve

Tengku Zafrul: Political appointments based on merits	32
---	----

The Star Online

Junior superheroes out to bring cheer to the courts	33
Pollution concerns play on the mind in Kg Jenjarom	34

China Press

7 nurses infected while taking care of the sick; 2 transmitted to other colleagues	35
Infected husband was not immediately hospitalised; Wife is actually tested positive for Covid-19, Virus spread in community	36
EMCO lifted for Top Glove worker dormitories; Healthy labourers change to green wristbands	37
Hospitalised today and discharged tomorrow; Patient suspicious, residents worried	38
Independent high schools becoming strong on their own	39

Sin Chew Daily

MDKL organized an event in conjunction with the International Anti-Corruption Day, calling for the crackdown on bribery	40
Rajiv: To avoid the spread of the pandemic, MOH should test foreign workers on a large scale	41
Top Glove dormitory ends EMCO, health factory workers wear green bracelets	42
Rajiv: Residents support the garbage sorting movement, distinguishing by the color of plastic bags	43

Guang Ming Daily

End of The EMCO at Top Glove dormitory, healthy workers wear green bracelet instead	44
Living in the same apartment unit together, nurses in 7 hospitals were infected	45
Seri Kembangan new village pasar to be rebuilt next year, tenders open after Chinese New Year	46

Makkal Osai

Selangor govt allocate RM365,000 to Hindu temples	47
---	----

Malaysia Nanban

Selangor government provides subsidy for 42 temples	48
---	----

Tamil Malar

RM365,000 subsidy to 42 temples in Selangor	49
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
16 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pergolakan dunia politik negara panaskan 2020
Muka Surat	:	18

Pergolakan dunia politik negara panaskan 2020

Lembaran baharu diharap capai kestabilan pentadbiran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaran 2020 akan dikemang dalam lipatan sejarah sebagai tahun yang sarat dengan suka duka dunia politik negara dan tidak pernah sepi daripada kontroversi.

Sehangat suhu COVID-19 yang mengubah tatakara kesihatan dan kehidupan penduduk di seluruh dunia, lanskap politik tanah air juga terus menggelegak dengan pelbagai isu sejak tirai tahun baharu dibuka.

Kedatangan 2020 dibuka dengan perubahan kerajaan, 22 bulan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) berlangsung pada Mei 2018.

Kejayaan Pakatan Harapan (PH) menguasai tampuk pentadbiran negara daripada Barisan Nasional (BN) memerusi PRU-14 yang melakar sejarah tersendiri, nyata tidak berpemangan.

Krisis dalaman gabungan itu mendorong parti komponenya, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) memutuskan keluar daripada PH pada 23 Februari,

disusuli tindakan 11 Ahli Parlimen PKR diketuai bekas timbalan presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, meninggalkan parti pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ribit-ribit pergolakan itu bermula apabila krisis peralihan jawatan Perdana Menteri antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Anwar semakin membengkak.

Ia kemudian meletus secepati didedahkan dalam rakaman audio mesyuarat Majlis Presiden PH yang tular, sekali gus meyakinkan tekanan demi tekanan diberi segelintir pimpinan komponen PH supaya Dr Mahathir segera menyerahkan tampuk pimpinan kepada Anwar.

Pada sidang media selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir memaklumkan akan terus memegang jawatan sehingga sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), namun kerajaan PH tumbang selepas beliau meletak jawatan pada 24 Februari.

Buat kali pertama, negara menyaksikan jawatan Perdana Menteri interim yang dipangku Dr Mahathir atas perkenan Yang di-Pertuan Agong bagi memastikan kestabilan negara berjalan lancar sehingga Perdana Menteri baharu dilantik.

Punubahan kerajaan baharu dikaitkan dengan 'Langkat Sheraton' sempena lokasi Ahli Parlimen membabitkan BERSATU, Barisan Nasional (BN), PAS, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan




bekas Ahli Parlimen PKR diketuai Mohamed Azmin berkumpul.

Dalam pertemuan itu, semua pimpinan parti terbabit seepakat membubarkan kerajaan baharu dan menamakan Presiden BERSATU, Tan Sri Mubiyidin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan.

Susulan pertemuan bersama semua 222 Ahli Parlimen, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilal Shah, pada 29 Februari lalu berkenan melantik Mubiyidin sebagai Perdana Menteri kelapan di Istana Negara.

Pelantikan Mubiyidin itu membawa kepada tertubuhnya kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang dianggotai BERSATU, BN, PAS dan GPS, sekali gus menjadi kerajaan dominasi Melayu dan Bumiputera.

PN akhirnya menjadi gabu-



Mubiyidin mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelapan di hadapan Al-Sultan Abdullah di Istana Negara.

ngan parti politik yang sah selepas pendaftarannya dihapus dan ditiadakan. Pendaftar Pertubuhan (ROS) berkuat kuasa 7 Ogos lalu.

Bagaimanapun, menurut Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, gabungan itu tidak akan menyertai PN, sebaliknya sokongan hanya berlandaskan kerjasama dalam kalangan Ahli Parlimen BN.

Keutuhan kerjasama parti dalam PN diuji ketika berlangsungnya Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Chini di Pahang serta DUN Slim di Perak, yang menyaksikan mereka bersetuju memberi laluan BN bertanding sebelum me-nangai kedua-duanya.

Ketika suasana mula stabil dengan kerajaan usaha membina kembali ekonomi yang terjejas akibat COVID-19, pentas politik negara berkokang lagi apabila An-

war mendakwa memiliki majoriti kukuh dan meyakinkan, iaitu hampir dua pertiga kerusi Parlimen bagi membentuk kerajaan pada 23 September lalu.

Presiden PKR itu mendakwa mendapat sokongan Ahli Parlimen pelbagai parti, termasuk yang berada dalam blok kerajaan, namun enggan mendedahkan bilangan sebenar.

Ahli Parlimen Port Dickson itu gagal membuktikan sokongan dimilikinya apabila dipertanah menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 12 Oktober lalu.

Istana Negara dalam kenyata-an pada 13 Oktober memaklumkan, Ketua Pembangkang itu dititah supaya akur dan meng-hormati proses perundangan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dalam proses mengambil alih kepemimpinan negara.

Dalam pertemuan itu, Anwar sekadar mengemukakan jumlah Ahli Dewan Rakyat yang dikemukakan senarai nama mereka untuk mengukuhkan undian belah bahagian.

Kepercayaan Mubiyidin sebagai Perdana Menteri kelapan sekali lagi diuji memerusi Belanjawan 2021 yang mana pihak pembangkang mengandalkan ia bakal menjadi penamat kepada era pentadbiran Ahli Parlimen Pagaru itu.

Malah, pembentangan Belanjawan oleh 2021 oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, mendapat sokongan berysarat daripada blok pembangkang dan kerajaan, terutama Ahli Parlimen BN seperti diryatakan bekas Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Naji Razak.

Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 itu bagaimanapun dihentikan pada peringkat dasar dengan undian suara majoriti, walaupun wujud usaha Ahli Parlimen pembangkang meminta ia dilaksanakan memerusi undian belah bahagian.

Seperkara yang perlu diakui, rakyat biasa yang masih bergelut dengan pelbagai cabaran lebih berminat dengan pemimpin yang membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup selepas pandemik COVID-19 mengubah segala-galanya.

Lembaran 2021 membawa bersama harapan mengunggun-kan rakyat supaya kestabilan politik dan pentadbiran negara dapat dinikmati tanpa 'diganggu' oleh mana-mana pihak.

Politik dan pentadbiran perlu bergerak seiring aspirasi per-tu-lakan Malaysia kembali ke persada pencapaian yang diem-butur.



BN meraikan kejayaan memenangi PRK DUN Slim.



Kenderaan dinaki Anwar keluar dari pekarangan Istana selepas menghadap Seri Paduka di Istana Negara.



Tengku Zafrul ketika membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 16 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LZS, Shopee kempen kutip zakat dalam talian
Muka Surat	:	35

LZS, Shopee kempen kutip zakat dalam talian

Zakat sebagai rukun Islam yang difardukan kepada orang Islam memenuhi segala syarat, memberikan manfaat besar dalam sosioekonomi umat Islam, khususnya membantu dan mem-bela golongan asnaf.

Perintah mengeluarkan zakat dise-but secara jelas dalam firman Allah SWT: *"Dan dirikanlah kamu akan sem-bahyang dan keluarkanlah zakat"* (Al-Baqarah: 43)

Zakat yang sering dirangkaikan de-ngan perintah solat itu, menunjukkan kepentingannya bukan sahaja dalam kehidupan peribadi, bahkan dalam konteks masyarakat.

Malah, pelbagai kaedah dilakukan agensi pengurusan zakat untuk mem-bantu memudahkan umat Islam me-nunaikan ibadah itu, termasuk mem-

perluaskan kaedah pembayaran secara dalam talian.

Terkini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjalin kerjasama dengan pla-tform e-dagang, Shopee, sebagai ejen kutipan bayaran zakat secara dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Sai-polyazan M Yusop, berkata bermula Ju-maat ini, pengguna Shopee boleh me-nunaikan pembayaran zakat harta dan fitrah tanpa had kepada LZS melalui platform itu pada bila-bila masa de-ngan lebih mudah dan pantas.

Katanya, pengguna hanya perlu me-milih pembayaran zakat melalui *Deals, Top-ups & Bills* dalam aplikasi Shopee dan ikuti langkah mudah diberikan.

"Pembayaran zakat boleh dilakukan melalui dompet mudah alih ShopeePay,

kad debit, perbankan dalam talian dan pembayaran secara tunai di kaunter 7-Eleven," katanya dalam kenyataan.

Melalui kempen zakat di platform Shopee antara 22 hingga 31 Disember ini, seramai 1,000 pembayar zakat ter-awal setiap hari akan menerima 200 syiling daripada Shopee.

Saipolyazan berkata, Shopee menja-di platform e-dagang pertama beker-jasama dengan LZS dan pihaknya sen-tiasa mempelbagaikan saluran baya-ran bagi memudahkan umat Islam me-nunaikan zakat dengan selamat teru-tamanya dalam situasi norma baharu kini.

"Kerjasama ini dijangka membantu ramai pengguna Shopee terutamanya dalam kalangan Muslim untuk menu-naikan zakat," katanya.

"Menerusinya, umat Islam berke-mampuan dan memenuhi syarat zakat dapat sama-sama membantu kelangsun-gan hidup golongan asnaf di Selangor yang terjejas akibat pandemik CO-VID-19," katanya.

Dalam perkembangan sama, pihak yang menunaikan zakat di LZS me-lalui pelbagai saluran pembayaran di-sediakan termasuk Shopee, bermula 1 hingga 31 Disember berpeluang me-nyertai peraduan Jom Bayar & Me-nang serta memenangi pelbagai ha-diah menarik bersempena Kempen My2.5.

Maklumat terkini berkenaan kempen itu sentiasa diuar-uarkan di saluran rasmi LZS, iaitu www.zakatselangor.com.my/my2point5 atau Facebook dan Instagram ZakatSelangor.



KERATAN AKHBAR
16 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Negara kehilangan tokoh yang banyak berjasa
Muka Surat	:	3

Negara kehilangan tokoh yang banyak berjasa

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz_yusoff@mecliamula.com.my

KUALA LUMPUR: Pemergian Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid yang banyak menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam membangunkan ekonomi dan pendidikan merupakan satu kehilangan besar buat negara.

Ungku Abdul Aziz yang berusia 98 tahun meninggal dunia di Pusat Perubatan Prince Court di sini petang semalam.

Jenazah selamat dikebumi di Tanah Perkuburan Bukit Kira kira-kira pukul 10.30 malam tadi.

Sementara itu, Yang di-Per-tuan Agong, Al-Sultan Abdul-lah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menzah-irkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham Ungku Abdul Aziz yang pulang ke Rahmatullah akibat sakit tua pada kira-kira 4 petang se-malam.

Seri Paduka berdua turut menzahirkan rasa sedih dengan pemergian Allahyarham dan berharap agar seluruh ke-luarga Allahyarham sabar dan tabah menghadapi dugaan serta suasana pilu ini.

Seri Paduka berdua amat menghargai khidmat bakti



JENAZAH Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dibawa ke Masjid At-Taqwa Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, malam tadi untuk disembahyangkan. - UTUSAN/AMIR KHALID

dan jasa Allahyarham kepada masyarakat dan negara.

Seri Paduka berdua turut menyifatkan pemergian Allah-yarham sebagai kehilangan bes-sar kepada negara.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin turut menzahirkan rasa sedih atas pemergian Ungku Abdul Aziz.

Sultan Sharafuddin dalam

titahnya berkata, baginda mengenali Allahyarham sebagai seorang tokoh pendidikan dan pembangunan ekonomi Mela-yu dan umat Islam.

Titah Sultan Selangor, bagin-da turut kagum dengan pem-ikiran, aspirasi dan idea-idea Allahyarham yang merentas masa dan zaman.

“Beta sentiasa mengikuti rap-at pandangan-pandangan dan buah fikiran Allahyarham se-masa hayatnya dalam pelbagai

isu yang dekat dengan rakyat jelata yang seharusnya dite-ladani.

“Secara peribadi, beta juga mengenali dan pernah bertemu Allahyarham yang turut mem-punyai kediaman berhampiran Istana Pantai Bahagia di Morib dan anak Allahyarham iaitu bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz,” titahnya menerusi Facebook rasmi Selangor Royal Office di sini malam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
16 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pemandu teksi harap bantuan
Muka Surat	:	18

Pemandu teksi harap bantuan

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin mengulas pengumuman Belanjawan Johor 2021 untuk terus membela rakyat negeri itu yang terjejas akibat Covid-19 terutama golongan berpendapatan rendah (B40) dengan memberikan bantuan *one off* sebanyak RM500.

Antara penerima manfaat bantuan itu ialah pemandu teksi termasuk limosin dan teksi lapangan terbang.

Difahamkan, kerajaan Melaka juga akan membayar caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk pemandu teksi di negeri itu.

Pemandu teksi di Selangor pula agak

dukacita apabila kerajaan negeri tidak menghulurkan bantuan untuk golongan berkenaan yang terjejas teruk dari segi pendapatan, walhal dicanangkan ia negeri paling kaya dan maju.

Pemandu teksi mengalami masalah penurunan penumpang sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang menyaksikan ramai pekerja bekerja dari rumah.

Diharapkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memberi perhatian positif atas perkara ini.

ZAINUDDIN UJANG

Kampung Rantau Panjang, Klang



KERATAN AKHBAR 16 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mohon selusur tangga uzur dicat
Muka Surat	:	19

ADUAN PBT

Mohon selusur tangga uzur dicat

SAUDARA PENGARANG,

SAYA mewakili penduduk di sekitar Seksyen 8, Shah Alam, Selangor, memohon jasa baik Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) supaya mengecat kembali besi selusur tangga yang sudah pudar warnanya.

Kemudahan ini terletak di Jalan Liku A 8/A, Seksyen 8, di antara pangsapuri Blok 19 dengan deretan premis perniagaan di situ.

Saya telah membuat aduan menerusi e-mel kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSA pada 22 Jun dan 15 Julai lalu. Ini diikuti dengan penghantaran ciapan kepada Twitter MBSA @sacitycouncil pada 22 Julai lalu. Namun, belum ada apa-apa tindakan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Sudah tentu penduduk setempat berasa gembira kiranya PBT yang menerima penarafan lima bintang ini dapat memenuhi hasrat mereka.

KAMARUDDIN HASSAN

Shah Alam



KEADAAN selusur tangga di Jalan Liku A 8/A, Shah Alam yang sudah uzur. - IHSAN PEMBACA



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 16 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Buka pusat cuci kereta selepas hilang kerja
Muka Surat	:	29

Buka pusat cuci kereta selepas hilang kerja

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI
 utusannews@mediamula.com.my


SHAH ALAM: Hilang mata pencarian sebaik sahaja menerima surat diberhentikan kerja tidak mematahkan semangat seorang penghantar surat untuk bangkit menjadi usahawan kedai mencuci kereta.

Ahmad Humini Alias, 41, berkata, dia tidak putus harapan dan bangkit semula dengan mengusahakan kedai mencuci kenderaan di Jalan Kebun, di sini selepas hilang pekerjaan kesan penularan pandemik Covid-19.

Katanya, dia bekerja sebagai penghantar surat sejak lima tahun lalu dengan pendapatan RM1,500 sebulan, namun diberhentikan kerja susulan penjimatan kos operasi syarikat.

"Saya bertekad membuka kedai mencuci kenderaan di Jalan Kebun, Ogos lalu dengan bantuan modal Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebanyak RM10,000 sebagai punca rezeki baharu.

"Memang sedih dihentikan kerja, namun saya tidak boleh



AHMAD Humini Alias mencuci sebuah kereta pelanggan di pusat cuci kenderaannya di Jalan Kebun, Shah Alam, Selangor.

lama berada dalam situasi seperti itu kerana perlu menanggung keluarga.

"Sepanjang tempoh tiga bulan kehilangan kerja, saya bekerja di pusat cucian kereta milik rakan di Bukit Naga di sini sebelum membuat keputusan mengu-

sahakan sendiri kedai mencuci kereta," kata bapa lima anak itu, baru-baru ini.

Menurut Ahmad Humini, dia bernasib baik kerana sebelum ini pernah menyertai kursus dianjurkan LZS selepas patah tangan dan kaki akibat kemalangan ja-

lan raya lima tahun lalu sekali gus melayakkannya menerima suntikan modal.

Akibat kemalangan tersebut, katanya, dia kehilangan kerja sebagai penghantar surat di syarikat lama dan berharap ihsan dan bantuan rakan berikutan isterinya tidak bekerja.

"Sebaik sahaja sembuh, saya kembali bekerja sebagai penghantar surat di syarikat baharu dan hujung minggu menyertai program keusahawanan ditawarkan LZS.

"Hasil daripada ilmu kursus tersebut, saya mula melakukan kerja-kerja sampingan untuk menambah pendapatan keluarga. Kerja-kerja sampingan ini menunjukkan peningkatan setiap bulan hingga melayakkan saya menerima bantuan modal berniaga," ujarnya.

Mengulas lanjut, dia berhasrat mengembangkan perniagaan bersama rakan dengan membuka khidmat cucian bangunan dan pejabat termasuk menawarkan khidmat pembantu rumah kepada sesiapa yang berminat.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 16 December 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dulu pekerja kini tauke cuci kereta
Muka Surat	:	18

Bekas penghantar surat miliki premis sendiri dengan modal sumbangan LZS

Dulu pekerja kini tauke cuci kereta



AHMAD HUMINI mencuci kereta salah seorang pelanggannya ketika ditemui di Jalan Kebun, Shah Alam semalam.

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

SHAH ALAM - Nekat seorang bekas penghantar surat mengubah hidupnya selepas kehilangan kerja akibat pandemik Covid-19 membolehkan hasil apabila dia berjaya membuka sebuah kedai mencuci kereta yang berpotensi untuk berkembang pada masa depan.

Ahmad Humini Alias, 41, kini bergelar tauke apabila mengusahakan premis di Jalan Kebun di sini bermodalkan RM10,000 yang diperolehi daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Katanya, dia diberhentikan kerja sebagai penghantar surat dengan gaji RM1,500 sebulan ekoran penjimatan kos operasi sebuah syarikat hingga membuatnya buntu tambahan

pula isterinya tidak bekerja selain perlu menyara keluarga.

"Saya tidak boleh mengeluh lama kerana ada keluarga yang perlu ditanggung. Sepanjang tiga bulan hilang kerja, saya bekerja di sebuah pusat cuci kereta milik rakan di Bukit Naga di sini sebelum mengambil keputusan membuka premis sendiri.

"LZS memberi modal kerana sebelum ini saya pernah menyertai kursus apabila patah tangan dan kaki akibat kemalangan lima tahun lalu," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.

Tambahnya, kemalangan itu menyebabkan dia kehilangan kerja sebagai penghantar surat di syarikat lama dan hanya berharap pada ihsan rakan.

Menurut Ahmad Humini, sebaik sembuh, dia kembali be-

kerja sebagai penghantar surat di syarikat baharu dan menyertai program keusahawanan yang ditawarkan LZS.

"Hasil belajar, saya melakukan kerja-kerja sampingan dan hasil jualan yang meningkat setiap bulan melayakkan saya menerima bantuan modal berniaga RM10,000," katanya.

Ujar Ahmad Humini, dia hasrat untuk mengembangkan perniagaan bersama rakan dengan membuka khidmat cucian bangunan dan pejabat termasuk perkhidmatan pembantu rumah kepada sesiapa yang berminat.

"Meskipun perniagaan kedai cuci kereta masih baharu namun saya tekad untuk mengubah hidup keluarga. Saya mahu mencabar diri dan terima kasih LZS di atas modal permulaan," jelasnya.



KERATAN AKHBAR		
16 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Perikatan Nasional lepas ujian getir
Muka Surat	:	4

Perikatan Nasional lepas ujian getir

Belanjawan 2021 lulus melalui undi belah bahagian dengan seramai 111 ahli Parlimen bersetuju

KUALA LUMPUR

Strategi pembangkang untuk menjatuhkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) melalui pentas Dewan Rakyat sekali lagi menemui kegagalan semalam.

Ia selepas bacaan kali ketiga Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (Belanjawan) 2021 diluluskan melalui undi belah bahagian.

Speaker Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun yang mengumumkan keputusan itu memaklumkan kepada Dewan bahawa sebanyak 111 ahli Parlimen bersetuju, 108 tidak bersetuju, manakala seorang lagi tidak hadir.

"Maka Rang Undang-undang ini disetujui untuk dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Meskipun hanya berkelebihan tiga undi, namun PN kini boleh menarik nafas lega apabila usaha berterusan pembangkang untuk menolak belanjawan itu tidak berhasil.

Isnin lepas, PN sekali lagi dilihat goyah apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan




FOTO: BERNAMA

Muhyiddin bersama Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Takiyuddin Hassan selepas undi belah bahagian Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 di Bangunan Parlimen pada Selasa.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Tengku Mohd Hamzah membuat pengumuman terbuka bahawa mereka sepakat untuk bekerjasama membantu menerajui kerajaan baharu.

Ia berikutan kedua-dua tokoh politik yang dianggap sebagai seteru sebelum ini mendakwa kerajaan di bawah pimpinan Muhyiddin akan tumbang akibat kegagalan mendapat undi majoriti di Dewan Rakyat pada Selasa.

Malah, Tengku Razaleigh juga mengumumkan untuk tidak hadir ke Dewan Rakyat.

Terdahulu, blok pembangkang meminta bacaan kali ketiga RUU itu dibuat melalui undi belah bahagian.

Bacaan kali ketiga RUU ini dilihat menjadi medan terakhir pembangkang khususnya Pakatan Ha-

rapan (PH) untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berikutan dua kali terlepas peluang sebelum ini.

Pembangkang pada 24 November lalu gagal mengotakan ikrar mereka untuk menjatuhkan PN apabila Belanjawan 2021 peringkat dasar diluluskan selepas mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen tanpa melalui undi belah bahagian.

Nasib sama juga dilalui pembangkang apabila RUU Perbekalan (Belanjawan) 2021 peringkat jawatankuasa bagi semua 27 kementerian turut diluluskan.

Secara keseluruhan, sebanyak 18 kementerian diluluskan di peringkat jawatankuasa dengan undian suara majoriti, manakala sembilan kementerian melalui undian belah bahagian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **16 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Mahkamah Rayuan Putrajaya gugur tuntutan BMMB terhadap MAIS, KUIS
Muka Surat	:	22

Mahkamah Rayuan Putrajaya gugur tuntutan BMMB terhadap MAIS, KUIS

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersyukur atas keputusan Mahkamah Rayuan Putrajaya untuk menggugurkan tuntutan sebanyak RM326.7 juta oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) terhadap MAIS dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Pengerusi MAIS, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dalam satu kenyataan pada Selasa berkata, keputusan tersebut memberikan satu makna yang sangat besar kepada warga MAIS, KUIS dan umat Islam di Negeri Selangor.

“Saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada peguamcara-peguamcara serta pegawai-pegawai MAIS dan KUIS yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kes rayuan ini,” katanya.

Pada 12 November 2018, satu notis pengan-tungan pelaksanaan penghakiman memerintah-kan MAIS dan KUIS membayar RM326.7 juta kepada BMMB berhubung kemudahan pembi-ayaan pembinaan bangunan kediaman asrama dan pusat pelajar KUIS yang dibuat oleh Redha Resources Sdn Bhd (RRSB).

Bagaimanapun, tiga panel hakim rayuan telah

memutuskan bahawa pihak MAIS dan KUIS tidak bertanggung dan bertanggungjawab ter-hadap pinjaman tersebut.

Mahkamah Rayuan telah bersetuju dan me-nerima hujahan-hujahan peguamcara MAIS dan KUIS, Nurul Muhaniza Hanafi dan Mohd Rad-zi Yatiman dari Tetuan Abu Zahar Syed Mohd Fuad & Partners (Cawangan Kelana Jaya) me-nafikan kebertanggung dan liabiliti MAIS dan KUIS berdasarkan Perjanjian Jaminan Pemba-yaran (PGA) yang dimeterai antara RRSB, MAIS, KUIS dan pihak responden dalam kes rayuan iaitu BMMB.

Panel hakim, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Dian menyatakan tidak wujud klausa jaminan oleh MAIS dan KUIS terhadap pinjaman RRSB dengan pihak BMMB dalam penghakimannya.

Sehubungan itu, keputusan Mahkamah Ting-gi Kuala Lumpur telah digugurkan dan tuntutan BMMB berjumlah RM326.7 juta terhadap MAIS dan KUIS telah ditolak.

Mahkamah Rayuan juga telah menetapkan kos sebanyak RM50,000 perlu dibayar oleh pihak BMMB kepada MAIS dan KUIS.



KERATAN AKHBAR		
16 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor sasar lahirkan 200,000 usahawan IKS berasaskan digital
Muka Surat	:	23

Selangor sasar lahirkan 200,000 usahawan IKS berasaskan digital

SHAH ALAM - Platform SME Smart Selangor yang dibangunkan *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) menyasarkan untuk melahirkan seramai 200,000 usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) berasaskan digital menjelang tahun 2025.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, platform itu dibangunkan untuk memacu pertumbuhan perniagaan dan peningkatan prestasi pengusaha IKS di Selangor melalui automasi pengurusan dan operasi perniagaan, pengembangan menerusi pemasaran digital dan juga e-dagang.

Menurutnya, pihaknya berharap platform berkenaan dapat memberdayakan peniaga dan pengusaha IKS di sekitar Lembah Klang.

"Menerusinya peniaga bukan sahaja dapat mengembangkan perniagaan melalui pengupayaan digital. Mereka akan dibimbing untuk memajukan perniagaan ke tahap lebih tinggi contohnya dari perniagaan berstatus mikro ke IKS dan seterusnya mencapai tahap syarikat yang mampu bersaing dengan pemain industri lain.

"Saya menyeru pengusaha perniagaan dan IKS merebut peluang yang tersedia ini dengan mendaftar butiran perniagaan mereka di laman sesawang

<https://www.smartselangor.com.my/services/smartsme/>," katanya.

Menurut Amirudin, matlamat utama kerajaan negeri adalah untuk memangkinkan pertumbuhan IKS berasaskan digitalisasi melalui bantuan pemasaran dalam talian, peningkatan jualan dan keuntungan serta peningkatan produktiviti.

Katanya, ketika ini SSDU telah membangunkan suatu pangkalan data merangkumi hampir 7,000 peniaga dan 20 rakan kongsi swasta untuk operasi *marketplace* dan penghantaran bagi menajayakan pengoperasian pembangunan ekosistem ekonomi digital yang lebih tersusun di Selangor.

"Pengumpulan data secara berpusat melalui platform ini akan dapat membantu kerajaan mengikuti perkembangan IKS dan mengenalpasti keperluan golongan itu untuk merencanakan bantuan yang lebih bersasar dan berkesan.

"Platform ini dijangka dapat melahirkan seramai 200,000 IKS berasaskan digital pada tahun 2025 nanti," katanya.

Terdahulu, beliau berkata, setelah hampir empat tahun program Smart Selangor dilancarkan, kerajaan negeri terus komited menjayakan visi menjadikan Selangor negeri pintar yang berdaya huni di rantau ASEAN menjelang tahun 2025.

Dengan meletakkan kesejahteraan

rakyat sebagai tonggak utama kejayaan Smart Selangor, kerajaan negeri melalui SSDU mempertingkatkan lagi pembangunan dan pelaksanaan inisiatif pintar lebih-lebih lagi pada ketika rakyat sedang mengalami kesukaran akibat Covid-19.

"Penularan pandemik ini secara tidak langsung merencanakan penggunaan infrastruktur digital dan membuktikan inisiatif digital yang diperkenalkan di bawah gugusan Smart Selangor sesuai digunakan untuk mendepani norma baharu dan bukan sahaja untuk masa depan.

"Melihat sambutan baik rakyat terhadap penggunaan infrastruktur digital, SSDU di bawah domain Smart Ekonomi giat memperkasakan ekosistem ekonomi digital untuk memudahkan IKS memulakan dan mengembangkan perniagaan dalam talian menerusi pembangunan platform SME Smart Selangor," katanya.

Dalam pada itu, Amirudin menaruh keyakinan Selangor akan dapat bersaing

dengan bandar-bandar pintar serantau pada tahun 2025.

Menurutnya, ia setelah melihat kepada perkembangan pelaksanaan Smart Selangor yang kini telah mencapai 40 peratus daripada 60 inisiatif yang digariskan dalam pelan tindakan agenda Smart Selangor 2025.

"Lebih meyakinkan lagi apabila inisiatif-inisiatif awal yang diperkenalkan kini telah diterima dan sedang digunakan oleh rakyat Selangor.

"Kemajuan yang dicapai menerusi inisiatif awal ini memberikan sedikit gambaran awal akan dampak penggunaan teknologi digital Smart Selangor yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menjadikan Selangor lebih berdayahuni menjelang tahun 2025 nanti," katanya.

Maklumat lanjut mengenai program Smart Selangor boleh diperoleh dalam Pelan Tindakan Smart Selangor 2025 dicapai <https://www.smartselangor.com.my/publications/>.



AMIRUDIN SHARI



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Sultan, Tengku Permaisuri Selangor ucap takziah
Muka Surat	:	-

Sultan, Tengku Permaisuri Selangor ucap takziah

Disember 15, 2020 @ 11:42pm



Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin. - NSTP/Ihsan Istana Selangor

SHAH ALAM: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga tokoh akademik, Allahyarham Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Istana Selangor dalam satu hantaran di laman sosial Facebook Selangor Royal Office hari ini menyatakan selain mengenali Allahyarham sebagai tokoh pendidikan dan pembangunan ekonomi Melayu serta umat Islam, baginda turut kagum dengan pemikiran, aspirasi serta ideanya yang merentas zaman.

Tambah kenyataan itu, baginda secara peribadi juga mengenali dan pernah bertemu Allahyarham yang turut mempunyai kediaman berhampiran Istana Pantai Bahagia di Morib, Banting serta anak Allahyarham iaitu bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

"Baginda sentiasa mengikuti rapat pandangan serta buah fikiran Allahyarham semasa hayatnya dalam pelbagai isu yang dekat dengan rakyat jelata dan seharusnya diteladani.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Menteri, orang kenamaan rafak sembah takziah
- Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Selangor zahir takziah kematian Adib
- Agong ucap takziah pemergian Abdul Aziz
- Perginya seorang permata ummah...

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat-Nya dan ditempatkan bersama para solihin," menurut hantaran itu.

Pada masa sama, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari juga mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Ungku Aziz dan menyifatkan beliau sebagai tokoh banyak berjasa kepada dunia pendidikan tanah air.



"Allahyarham juga antara individu yang terbabit dengan penubuhan Tabung Haji (TH) dalam memudahkan urusan rakyat Malaysia menunaikan ibadah haji di Baitullah.

"Negara kehilangan seorang tokoh yang banyak menabur bakti. Takziah diucapkan kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di syurga penuh nikmat," katanya menerusi hantaran di laman sosial Facebooknya.

Ungku Abdul Aziz, tokoh akademik berusia 98 tahun, meninggal dunia kira-kira 4 petang tadi. - BERNAMA



TERKINI	PILIHAN PEMBACA
10m	Dana Kemudahan Teknologi Tinggi BNM tawar pembiayaan PKS sehingga RM5 juta
10m	Biden akan terima vaksin COVID-19
17m	Ringgit lebih tinggi berbanding dolar AS
26m	Bursa Malaysia dibuka tinggi
30m	Langkah agresif bawa karya ke peringkat global
30m	Konsensus politik, kompromi hias drama Belanjawan 2021
33m	'Kami bukan mesin'
42m	Mutasi baharu COVID-19 dikesan di England



TRENDING

	SELEBRITI 13 jam yang lepas Tiga lagu Hael mara ke AJL35
	BOLA Dis 15, 2020 @ 10:52pm Liga Super China bukan lagi 'syurga' pemain
	NASIONAL Dis 15, 2020 @ 10:41pm Jenazah Ungku Aziz selamat dikuburkan
	BOLA Dis 15, 2020 @ 9:28pm Yusri tak layak jadi ketua jurulatih - Khalid
	KES Dis 15, 2020 @ 6:58pm Lelaki jumpa bekas isteri mati tergantung





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 December 2020		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Sultan, Permaisuri Selangor zahir takziah pemergian Ungku Aziz
Muka Surat	:	-






PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 December 2020		
Akhbar	:	Malaysiakini (English)
Tajuk Berita	:	Alunan marhaen dari PPR
Muka Surat	:	-



Alunan marhaen dari PPR


Di sebuah panggung kelengkapan akibat Covid-19, lebih daripada 100 orang penyerta KKRQI dan beberapa keluarga hadir untuk menyaksikan persembahan muzik yang berbeza-beda. Persembahan ini diadakan sebagai salah satu aktiviti untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI. Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI. Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI.



Program muzik diadakan di Dewan Muzik KKRQI dan akan berlangsung secara berkala. Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI. Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI.



Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI. Persembahan ini juga bertujuan untuk meningkatkan semangat dan keyakinan diri penyerta KKRQI.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kota Damansara Bandar Pemangkin Ekonomi Dan Penempatan Harmoni
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MPAJ Kekal Tempat Pertama APPC Penggal Ke-3
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Naik Taraf Smart Selangor Parking, Lapor Salah Guna Parkir OKU
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Peningkatan Kes Kluster Tempat Kerja Sudah Dijangka, Elak Stigma Terhadap Pekerja Asing
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	RM15 Juta Bantu Usahawan Melalui Skim Zero To Hero
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Sudah Jangka Kes Kluster Tempat Kerja Meningkat, EXCO Seru Jangan Ada Stigma Terhadap Warga Asing
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Selangor sasar lahir 200,000 usahawan IKS berasaskan digital
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article from Sinar Harian Online. The main headline is "Selangor sasar lahir 200,000 usahawan IKS berasaskan digital". The article features a photo of a man in a blue shirt, likely a government official. The text discusses the state's goal to create 200,000 digital-based IKS (Micro, Small, and Medium Enterprises) by 2020. It mentions various initiatives and support provided by the state government to help entrepreneurs, particularly in the digital sector. The article is dated 15 December 2020.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 16 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	Penghantar surat buka pusat cuci kenderaan
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 15 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor, Tengku Permaisuri Selangor zahir rasa sedih
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
16 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Nod for project in high- risk area questioned
Muka Surat	:	2

Nod for project in high-risk area questioned

By **SHALINI RAVINDRAN**
 shaliniravindran@thestar.com.my

A RESIDENTS task force in Ampang, Selangor, is urging the local authorities to reveal reasons for approving a development project in an environmentally-sensitive area in Bukit Antarabangsa.

The Bukit Antarabangsa Task Force (BATF) – a coalition of 30 residents' associations joint management bodies and management committees – said the area was too high risk for such a commercial project.

It is learnt that approval was given by the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) for the construction of several blocks of high-rise towers comprising office suites and a multi-level carpark at the junction of Jalan Wawasan 1 and Middle Ring Road 2 (MRR2). Task force chairman Datuk Albakri Ali said the group had protested against the high-rise project since 2016, and were taken aback when earthworks began at the site a few months ago.

"We had several briefings with MPAJ in 2016 after submitting our official protests. But since then, we have not been informed on the project's status.

"It was upon seeing land clearing works taking place, that we found out that the project had been approved but with conditions," he said, adding that the coalition's attempts to obtain more information from MPAJ had been unsuccessful.

"We were informed that certain conditions had been imposed on the developer but what these are, we do not know.

"We are also uncertain if our concerns, highlighted in our protest memorandum, was taken into consideration," he said.

Some of the points raised included environmental loss, traffic impact, loss of water catchment area, possibilities of landslides and post construction maintenance.

The group is concerned that the project will have serious negative implications on their lives and welfare of the community as well as the environment.

"To make matters worse, the project site is 300m away from the site of the 1999 landslide, which caused the only access road to Bukit Antarabangsa to be cut off.

"Have the proper studies such as traffic impact assessment (TIA) and environmental impact assessment (EIA) been conducted and independently verified?" Albakri questioned, pointing out that this was the 12th anniversary of the landslide in 2008 in which four people were killed, 14 homes destroyed and 2,000 evacuated in a major landslide at Taman Bukit Mewah.

"I hope that the authorities will closely monitor the construction and post-construction of these types of projects," he said.

BATF legal adviser Azlan Kamal pointed out that a notice of the approval according to the Town and Country Planning Act 1976 should have been issued to those who had protested.

"Section 22(6) of the Act states that if planning permission is granted, whether with or without conditions, it shall be conveyed to the applicant and at the same time, a notice



Residents of Bukit Antarabangsa say they have been protesting against the high-rise development since 2016 but have not been informed on the project's status.

shall be given to any person who has made any objection.

"Why was this not done when we had officially submitted our objection?" he asked.

MPAJ press relations officer Norhayati Ahmad said the project had received the necessary approvals, including the green light from the Department of Environment (DOE).

"The planning permission was issued on April 2, 2019, while the building plan application was approved on June 19, 2020.

"Application for the project was also discussed at the state's development of environmentally-sensitive area committee meeting and the EIA presented by the developer was approved by the committee on Oct 9, 2020," she said.

She added that site clearing works were being done with relevant MPAJ department monitoring its progress.

"MPAJ is consistently monitoring the development to ensure that all conditions are being adhered to.

"This way, we will be able to allay residents' fears regarding the potential disturbances at an early stage," she said.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
